#### KHUTBAH JUMAAT

## "DEMI MASA" (16 Ogos 2024M/ 11 Safar 1446H)

الْحَمْدُ لِلهِ، الْحَمْدُ لِلهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيْدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. اللهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. اللهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوْا الله حَقَّ تُقَاتِهِ وَلا تَمُوْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

# Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah subhanahu wata'ala dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: "Demi Masa".

## Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam adalah agama yang amat menitikberatkan agar umatnya menghargai masa, malah memerintahkan manusia supaya menjaga masa dengan sebaiknya. Masa adalah aset paling penting dan berharga dalam kehidupan manusia. Mereka yang mengabaikan masa adalah termasuk golongan yang rugi manakala golongan bijak adalah mereka yang sentiasa menghargai masa dan memperoleh keberuntungan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Asr ayat 1-3:

Maksudnya: Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan pesan dengan kesabaran".

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan para sahabat radiallahu anhum memanfaatkan masa dalam rutin harian mereka dengan dua perkara iaitu perkara akhirat dengan memperbanyakkan ibadah, termasuk yang sunnah mahupun yang wajib. Kedua perkara dunia, iaitu tidak membuang waktu bermalas-malasan dalam mencari nafkah dan tidak suka meminta-minta tanpa berusaha.

# Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seluruh kehidupan manusia berkait dengan masa. Seseorang yang mengabaikan masa pastinya akan mengakibatkan kerugian besar dalam hidupnya. Malah, jika berkaitan ibadah ia akan memberi implikasi besar kepada kualiti ibadah yang ditunaikan. Sesuatu

amalan yang tidak dilaksanakan pada tempoh masa yang ditetapkan akan dikira tidak sah dan menyebabkan dosa. Begitu juga dalam amalan kehidupan seharian. Pekerjaan yang dilakukan tanpa perancangan rapi dan tidak mengikut waktu akan menyebabkan masalah berlaku. Seperti kata bijak pandai "mereka yang gagal merancang sebenarnya merancang kegagalan."

Pengurusan masa yang baik merupakan tuntutan dalam Islam. Ia juga termasuk perkara yang akan ditanya oleh Allah *subhanahu wata'ala* di akhirat nanti. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi *rahimahullah* daripada Abu Barzah al-Aslami Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

"Tidak akan melangkah kaki seorang hamba pada hari kiamat sampai ia ditanya tentang empat hal, tentang umurnya bagaimana ia gunakan, tentang masa mudanya bagaimana ia habiskan, tentang hartanya dari mana ia dapat dan di mana ia keluarkan, dan tentang ilmunya apa yang ia amalkan dengannya."

# Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Masa adalah perkara yang selalu disesali oleh manusia. Ada orang yang ingin memutar kembali masa untuk menebus semula kesilapan yang dilakukannya. Ada orang yang ingin memutar masa lalu untuk kembali mendapat nikmat kesihatannya, ada yang ingin kembali memanfaatkan masa bersama-sama insan yang disayanginya, ada yang ingin kembali ke zaman kanak-kanak yang penuh kegembiraan dan ketelusan. Malah dengan sebab masa

juga orang yang telah meninggal dunia memohon untuk dihidupkan semula ke dunia untuk beramal soleh.

Justeru, hargailah anugerah masa yang amat bernilai dan berharga ini, kerana ia tidak akan kembali dan terus berlalu pergi. Bagi memastikan masa kita diurus dengan baik dan efisien, khatib ingin menyarankan kepada semua agar melakukan beberapa perkara berikut:

**Pertama:** Bersegeralah dalam beramal, usahlah berlengah sehingga luputnya masa dengan amalan yang sia-sia. Budayakan sifat *Fastabiqul Khairat* iaitu berlumba-lumba melakukan kebaikan.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah *rahimahullah* daripada Jabir bin Abdullah *radiallahuanhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang bermaksud:

"Wahai manusia! Bertaubatlah kamu sebelum kamu mati, bersegeralah beramal soleh sebelum kamu sibuk dan sambunglah hubungan antara dirimu dengan Tuhanmu serta banyakkanlah berzikir kepada-Nya, banyakkan sedekah secara sembunyi sembunyi mahupun secara terang-terangan. Nescaya kamu akan diberi rezeki, ditolong dan dicukupi.

**Kedua:** Susun dan penuhi rutin jadual harian dengan perkara berfaedah. Jangan biarkan masa berlalu tanpa sebarang jadual yang dirancang. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* menasihati kita dengan masa maksudnya: "*Jiwa kamu jika kamu tidak sibukkan* 

dengan ketaatan nescaya ia akan disibukkan kamu dengan kebatilan".

Ketiga: Jangan bertangguh dengan sesuatu urusan jika kita mampu menyelesaikannya dengan segera. Peribahasa juga mengingatkan kita bahawa "bertangguh itu pencuri masa". Abdullah bin Umar radiallahu anhuma berkata: "Jika kamu berada di petang hari jangan tunggu pagi hari, dan jika kamu berada di pagi hari jangan tunggu petang hari, gunakanlah kesihatanmu untuk (persiapan saat) sakitmu dan kehidupanmu untuk kematianmu."

**Keempat:** Jangan hanya menunggu masa lapang baru hendak beribadah, tetapi lapangkanlah masa untuk beribadah. Hidup ini untuk beribadah kepada Allah *subhanahu wata'ala*, kerana itu jangan jadikan ibadah kerja sampingan. Kekayaan hati adalah anugerah Allah *subhanahu waa'ala* kepada para hamba-Nya yang teguh beribadah.

Kayu ukurnya bukan sekadar pada penggunaan masa, tetapi bagaimana kita melaburkan masa selepas kematian kita. Ibnu 'Ata'illah al-Sakandari dalam al-Hikam menyebutkan:

"Berapa banyak umur yang meluas jangkauannya meski sedikit bilangannya. Berapa banyak pula umur yang begitu sempit jangkauannya meski banyak bilangannya. Sesiapa mendapat berkat dalam umurnya, dalam waktu yang singkat ia akan memperoleh banyak anugerah yang tidak cukup terungkap dengan kata-kata."

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, khatib ingin mengajak umat Islam sekalian untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang terus menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel. Sehingga ke hari ini, mereka masih lagi diserang dan dibunuh tanpa belas kasihan.

Sehubungan dengan itu, **Majlis Islam Sarawak** ingin menzahirkan rasa dukacita atas penderitaan rakyat Palestin yang terlibat dengan peperangan di Negara Palestin. Justeru, bagi membantu rawatan perubatan kepada rakyat Palestin, **Majlis Islam Sarawak** menyeru seluruh umat Islam di Sarawak untuk bersama-sama memberikan sumbangan tersebut melalui kutipan Sadaq Jumaat di Masjid dan Surau Berjumaat seluruh Sarawak pada **16 Ogos 2024 (Jumaat).** 

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

**Pertama:** Seluruh kehidupan manusia sebenarnya berkait dengan masa. Jika seseorang itu mengabaikan masa pastinya akan mengakibatkan kerugian besar dalam hidupnya.

**Kedua:** Pengurusan masa yang baik adalah tuntutan dalam Islam. Ia juga termasuk perkara yang akan ditanya oleh Allah *subhanahu ta'ala* di akhirat nanti.

**Ketiga:** Sekiranya sesuatu pekerjaan dilakukan tidak mengikut masa yang ditetapkan natijahnya ialah akan menimbulkan masalah dan seterusnya menyebabkan kegagalan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam al Hasyr, ayat 18:

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan."

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُو السَّمِيْعُ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُو السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُو الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُو الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُو النَّهُ الْعَفْهُ وَ اللَّهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهُ اللهِ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ اللهِ اللهِ اللهُ اللهِ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهِ ا

#### KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلهِ. الْحَمْدُ لِلهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَر. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا عَدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، إتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

# Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap impak cuaca yang mungkin melanda seperti cuaca kering, jerebu, kebakaran hutan dan penyusutan paras air empangan yang disebabkan oleh musim Monsun Barat Daya yang akan berterusan sehingga September 2024. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللهُ تَعَالَىٰ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ الْعَالَمِيْنَ، إِنَّا فَيَ حَمَّدُ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، فِيْ الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ جَمِیْدٌ مَجِیْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيِّيْنَ، سَادَاتِنَا أَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمَرَ وَعُمْرَ وَعُلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. وَعُنْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اللَّعْمَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيْعُ قَرِيْبُ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan peraturan undang-undang kepada dan perlanggaran serta dadah. Kurniakanlah keselamatan dan penyalahgunaan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَآ أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أُمِيْن، أُمِيْن يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللهِ. إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ. وَإِيتَآءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكُرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاللهُ كُرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاللهُ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللهِ يَذْكُرُكُمْ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيْمُوا الصَّلَاةِ.